

Persekitaran Bahasa dalam Pembelajaran Kosa Kata Arab Pelajar

KHAIRULAIZAM ABDUL RAHMAN
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
P107481@siswa.ukm.edu.my

HARUN BAHARUDIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
harunbaharudin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Dalam pembelajaran sesuatu bahasa, pasti terdapat beberapa faktor yang dilihat menjadi pengaruh dan pendorong kepada penguasaan bahasa tersebut. Dalam kajian ini, persekitaran bahasa menjadi faktor pendorong kepada penguasaan kosa kata Arab pelajar. Hasil dapatan kajian lepas menunjukkan tahap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah dan kurang memuaskan. Justeru, keperluan untuk meneliti faktor yang mendorong kepada peningkatan penguasaan kosa kata Arab adalah sangat penting bagi semua pengkaji. Reka bentuk kajian ialah kuantitatif yang menggunakan pendekatan kaedah tinjauan. Populasi kajian ini seramai 2600 orang pelajar melibatkan 23 buah Sekolah Agama Menengah di Negeri Selangor. Teknik pensampelan yang digunakan bagi kajian ini ialah pensampelan rawak berstrata. Proses pengumpulan data dimulakan dari edaran instrumen. Instrumen yang digunakan ialah satu set soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Data yang diperolehi hasil daripada maklum balas responden telah dianalisis secara deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratus, min serta sisihan piawai. Data juga dianalisis secara inferensi melalui ujian statistik Korelasi Pearson. Cara penganalisan data adalah dengan menggunakan perisian program komputer iaitu Statistical Package for Social Science Windows (SPSS) version 27. Justeru, kertas konsep ini membincangkan perihai aspek yang diuji melalui konstruk persekitaran Bahasa Arab.

Kata Kunci: Persekitaran bahasa, Kosa kata Arab, Teori ekologi, Vygotsky

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik. Bukti keunikannya terserlah melalui kepelbagaian bangsa, budaya, persekitaran, bahasa, agama dan sebagainya. Sistem pendidikan negara turut terkesan di sebalik keunikan tersebut tetapi kesannya tidaklah membawa ke arah atau sisi negatif. Kepelbagaian budaya, persekitaran dan agama ini membolehkan sistem pendidikan Malaysia menawarkan pembelajaran bahasa asing untuk dipelajari oleh pelajar di semua peringkat dan tahap pengajian (Rahman et al., 2019). Antara bahasa asing yang ditawarkan kepada para pelajar adalah seperti Bahasa Arab, Bahasa Cina, Bahasa Iban, Bahasa Tamil dan sebagainya.

Bahasa Arab dalam konteks masyarakat di Malaysia merupakan bahasa yang dilihat istimewa dan unik. Secara umumnya penggunaan Bahasa Arab banyak digunakan sebagai bahasa perantaraan bagi menyampaikan dakwah Islam di seluruh dunia. Selain itu, penggunaan Bahasa Arab dalam kehidupan seharian seorang Muslim tidak dapat dielakkan teratoma dari

sudut pengibadatan. Begitu juga dari sudut perkembangan era revolusi industri (IR) 4.0, fungsi bahasa dilihat penting bagi mendepani cabaran revolusi tersebut (Maimun Aqsha Lubis et al., 2019). Adapun kajian (Zaini et al., 2019) menyanggah kenyataan yang melaungkan keistimewaan Bahasa Arab di Malaysia, sebaliknya laungan tersebut padanya hanyalah bersifat retorik dan inilah cabaran utama pendidikan Bahasa Arab di Negara Malaysia. Bahasa ketiga ini hanya dipelajari oleh 7.6% daripada keseluruhan pelajar tanpa mengambil kira faktor demografi.

Berdasarkan kepada penyelidikan yang sedia ada, dapat diperhatikan bahawa kajian mengenai aspek kosa kata sesuatu bahasa sentiasa berada di tahap yang baik. Kajian tersebut sentiasa berterusan dan berkembang baik di seluruh dunia. Perkembangan ini melibatkan penerokaan terhadap semua bahasa asing termasuk Bahasa Jepun, Bahasa Arab dan sebagainya. Pelbagai strategi dikaji (Ismail, 2016), dirancang dan dicadangkan agar ianya bersesuaian dengan konteks pembelajaran bahasa asing yang dipelajari. Namun di dalam pembelajaran kosa kata Arab, amat sedikit perbincangan mengenai persekitaran bahasa yang dijadikan sebagai fokus kajian. Hal ini dapat dibuktikan menerusi tinjauan ke atas kajian-kajian lepas daripada beberapa penulisan sarjana di bidang pendidikan Bahasa Arab yang kurang menyentuh aspek persekitaran bahasa dalam pembelajaran kosa kata Arab. Rentetan daripada kekurangan yang dilihat ini mengakibatkan penerokaan terhadap aspek penguasaan kosa kata Arab berjalan dengan agak perlahan kerana dapatan kajian yang terhad dan data yang tidak mencukupi (Harun, B. & Zawawi, I, 2014).

OBJEKTIF KAJIAN

Setiap penyelidikan yang dijalankan oleh seseorang pengkaji semestinya mempunyai hala tuju dan tujuan yang disasarkan. Objektif kajian bertujuan untuk meluahkan hasrat seorang pengkaji untuk menjalankan kajiannya. Selain itu, ia menjadi titik bermulanya segala usaha kajian pengkaji sekali gus menjadi daya penarik minat pengkaji dan pembaca lain untuk mengetahui kajian yang dijalankan (Chua, 2021). Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara dua pemboleh ubah iaitu persekitaran bahasa dan pembelajaran kosa kata Arab dalam kalangan pelajar di Sekolah Agama Menengah di Negeri Selangor.

SOROTAN KAJIAN

Persekitaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Lingkungan persekitaran yang baik memberikan penekanan terhadap beberapa aspek dalam proses pembelajaran Bahasa Arab. Tekanan yang diberikan mempengaruhi perkembangan bahasa individu terlibat (Aflisia & Harahap, 2019). Kajian McCarthy & Carter (1994) telah membuktikan faktor persekitaran memberikan pengaruh penting dalam pembelajaran melibatkan bahasa kedua atau ketiga. Kajian tersebut menjelaskan bahawa interaksi bahasa yang berlaku dalam persekitaran dunia luar merupakan satu proses menganalisis bahasa dari aspek budaya, situasi dan persekitaran (Muhaimin, 2020). Terdapat beberapa aspek yang ingin dilihat menerusi persekitaran bahasa. Aspek tersebut ialah kesepaduan pelajar, sokongan guru, penglibatan pelajar, sikap pelajar terhadap tugas, kerjasama antara pelajar dan layanan adil guru telah digabungkan demi mewujudkan sebuah ruang persekitaran bahasa yang baik dalam pembelajaran Bahasa Arab. Sumber sokongan yang diperoleh pelajar dapat membantu meningkatkan perkembangan insaniah dan jati diri pelajar (Irwan Fariza et al., 2018). Teori vygotsky jelas menyatakan bahawa sebuah komuniti dalam persekitaran memainkan peranan

penting dalam membantu kanak-kanak membentuk makna dalam bahasa yang dituturkan (Muhin & Nik Yusoff, 2021).

Kesepaduan Pelajar

Persekitaran dalam pembelajaran bahasa dikaitkan dengan hubungan sosial sesama pelajar, guru dan bahan pembelajaran (Abdul & Maat, 2019). Fraser (1991) telah memperincikan dua komponen yang terdapat dalam persekitaran pembelajaran. Komponen tersebut ialah komponen fizikal dan psikososial. Elemen yang terdapat dalam komponen psikososial antaranya hubungan interaksi sesama pelajar dengan pelajar dan guru terhadap pelajar. Kajian lepas membuktikan bahawa persekitaran pembelajaran menerusi hubungan sosial memberikan pengaruh terhadap pencapaian pelajar sekolah baik dari aspek kognitif mahupun metakognitif. (Abdul & Maat, 2019). Hubungan sosial yang dimaksudkan adalah kesepaduan iaitu sebuah proses penyatuan pelbagai aspek merangkumi aspek fizikal, sosial, ekonomi dan sebagainya (Chee & Abdullah, 2021).

Sokongan Guru

Kajian (Shidqi & Mudinillah, 2021) dalam penyelidikannya menyatakan bahawa persekitaran adalah sebuah media interaktif dan komunikatif yang boleh didapati secara semula jadi. Tambah beliau, persekitaran sosial berperanan sebagai sumber belajar, dan salah satu jalan interaksi seseorang dengan persekitarannya. Manakala dapatan kajian (Ahmid et al., 2018) menyatakan interaksi guru dan pelajar berjaya meningkatkan kepercayaan motivasi walaupun tidak secara menyeluruh. Di samping itu, dapatan kajian beliau juga menunjukkan bahawa persekitaran yang melibatkan susun atur seperti pengurusan kelas, strategi kelas berkesan, perhatian, keprihatinan guru kepada pelajar dapat meningkatkan fokus dan minat pelajar untuk belajar Bahasa Arab. Kematangan pelajar dalam berfikir juga semakin berkembang dengan meniru dan memerhatikan ikon, guru mahupun orang yang berpengalaman dan berpengetahuan luas melaksanakan sesuatu tugas (Zakaria et al., 2019). Tidak dinafikan, interaksi dua hala antara guru dan pelajar dapat memberikan kesan positif dalam pembelajaran. Kualiti pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan dinilai berdasarkan kepada tahap penglibatan pelajar secara menyeluruh serta keupayaan guru dalam mengawal sesi pembelajaran mereka (Carrol 1989; Slavin 1987; Gage dan Berliner 1986).

Rouse dan Crosby (2017) menjalankan kajian mengenai persekitaran dan mendapati bahawa hubungan antara guru dan pelajar secara signifikannya memberikan kesan positif terhadap pencapaian akademik pelajar dan tingkah laku pelajar di dalam kelas. Dapatan tersebut selari dengan teori ekologi lapisan yang pertama iaitu mikrosistem di mana perkembangan pelajar dipengaruhi oleh persekitaran yang paling hampir dengannya seperti ibu bapa atau guru. Wilson et al (2002) pula mendapati bahawa pembentukan persekitaran sekolah yang positif memberikan kesan positif terhadap hubungan pelajar di dalam persekitaran sekolah. Manakala kajian (Zubaidillah, 2018) menyokong bahawa aspek persekitaran adalah salah satu komponen penting yang perlu dititik beratkan dalam sistem pendidikan.

Penglibatan Pelajar

Penglibatan aktif pelajar dalam setiap aktiviti di dalam kelas adalah antara faktor yang memainkan peranan penting terhadap pencapaian akademik pelajar (Irwan Fariza et al., 2018).

Pergaulan sosial yang terbentuk hasil daripada penglibatan pelajar dalam sesuatu aktiviti turut memberikan kesan terhadap pembelajaran bahasa. Kenyataan ini disokong oleh Zulkifley (2014) yang menyatakan aspek pergaulan sosial merupakan salah satu usaha yang mempengaruhi peningkatan pengetahuan bahasa pelajar. Manakala, sokongan daripada guru pula dapat menggalakkan penglibatan pelajar secara optimum sekali gus menyumbang ke arah proses pembelajaran yang bersifat fleksibel dan kondusif (Abdul Razaq, 2019). Terma penglibatan pelajar adalah merujuk kepada sokongan tenaga secara fizikal dan psikologi yang diberikan oleh pelajar dan tingkah laku mereka di dalam kelas. Ini bermaksud, pelajar yang sentiasa melibatkan diri dalam pembelajaran di dalam kelas secara aktif akan berhasil menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka berbanding pelajar yang bersikap pasif (Zubaidillah, 2018).

Sikap Pelajar terhadap Tugas

Untuk mendepani cabaran dalam dunia pendidikan, individu pelajar seharusnya mempunyai keyakinan dan strategi pembelajaran yang sistematik sesuai dengan konteks sebuah negara yang bukan penutur jati (*Non Speaker*) Bahasa Arab. Kajian (Junaidi, 2020) mendapati bahawa faktor persekitaran terbukti berjaya memberikan kesan dan impak positif terhadap pembentukan sahsiah, tingkah laku, emosi, rohani dan akademik kanak-kanak. Dalam kajian ini, komponen sikap pelajar terhadap tugas adalah merujuk kepada kesiapsiagaan pelajar dalam menyempurnakan setiap tugas yang diberikan oleh guru di sekolah. Tanggungjawab pelajar ialah menyiapkan setiap tugas yang diberikan, namun untuk mengekalkan sikap tanggungjawab yang wujud dalam jiwa seorang pelajar, adalah dicadangkan agar tugas yang diberikan kepada pelajar tidak membebankan mereka (Che Mohd Zaid, 2018). Tugas yang membebankan pelajar akan menyebabkan mereka hilang fokus untuk belajar dalam mana-mana mata pelajaran sekali pun lebih lagi melibatkan pembelajaran bahasa asing.

Kerjasama antara Pelajar

Aspek persekitaran yang seterusnya adalah aspek kerjasama antara pelajar. Aspek ini ialah sokongan yang berlaku antara pelajar semasa aktiviti pembelajaran bahasa sedang berlaku. Hakikatnya, kerjasama merupakan satu aktiviti yang berlangsung dalam bentuk tugas berkelompok antara pelajar yang mana penyatuan dan perbezaan pendapat sesama pelajar mendapat kata putus (Kusuma, 2018). Dalam teori sosiobudaya, kebolehan pelajar menyelesaikan masalah, peroleh nilai kebudayaan dan kepercayaan adalah melalui kerjasama individu berpengalaman melibatkan persekitaran sekeliling (Saul Mcleod, 2020). Berdasarkan kajian Che Nidzam (2011) menyatakan kerjasama antara pelajar dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakan pelajar yang lain semasa belajar bahasa. Namun begitu, menurut AbdulSyani (2012) pula, kerjasama akan berlaku apabila wujudnya kepentingan diri dari sudut pengetahuan yang terhad dan dapat diperolehi dari rakan kumpulan.

Layanan Adil Guru

Aspek terakhir dalam komponen psikososial ialah layanan adil daripada seorang guru. Kajian (Junaidi, 2020) mendapati bahawa tingkah laku dan layanan guru terhadap pelajar semasa mendidik menjadi teladan kepada para pelajar sekali gus membentuk peribadi yang luhur dan terpuji selain mengembangkan tahap prestasi akademik dan hubungan kemasyarakatan dalam jiwa kanak-kanak. Menurut (Wibowo & Farnisa, 2018) antara tugas guru adalah memberikan

layanan pendidikan terhadap pelajarnya. Kesan layanan guru akan mempengaruhi setiap aspek dalam kehidupan seorang pelajar sama ada aspek sosial, budaya mahupun ekonomi. Beliau menambah lagi dengan menyatakan layanan guru yang bersifat profesional mampu menjadikan dirinya sebagai idola bagi setiap pelajar.

Pembelajaran Kosakata

Dalam kajian ini, pembelajaran kosakata adalah merujuk kepada pengukuran terhadap aspek saiz kosakata dan juga kedalaman kosakata. Kosakata memainkan peranan bagi membentuk sebuah ayat lengkap dengan menggabungkan beberapa perkataan yang lain. Menurut Zunita & Harun (2020) kosakata adalah satu kumpulan perkataan yang akan membentuk ayat dan membina satu bahasa. Manakala Tu'aimah (1989) membincangkan kepentingan pengajaran dan pembelajaran kosakata dengan menegaskan bahawa kosakata merupakan asas utama dalam pembelajaran bahasa kedua. Al-Naqah (1985) pula menyokong kenyataan tersebut dengan membincangkan kepentingan penguasaan kosakata yang merupakan langkah pertama dalam pembelajaran bahasa asing. Ini menunjukkan kosakata sebagai wasilah yang membawa makna dan kaedah untuk berfikir.

Kajian yang dijalankan (Wulandari, 2021) menyatakan bahawa fungsi kosakata membantu masyarakat melontarkan idea dan pandangan mereka selain memberikan kefahaman yang mendalam menerusi pembacaan mereka. Banyak kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas berkait rapat dengan tahap penguasaan kosakata. Antaranya, kajian Noni (2016) berkenaan penggunaan media audio visual berupa animasi yang bertujuan untuk menarik minat pelajar dalam meningkatkan penguasaan kosakata Bahasa Inggeris pelajar. Sementara itu, kajian (Hunaidu, 2019) tentang penguasaan kosakata mendapati bahawa penguasaan kosakata Bahasa Arab pelajar Pondok Darul Arqam Muhammadiyah masih belum berada di tahap yang optimal. Dapatan beliau menunjukkan bahawa tiada indikator yang terkait dengan penguasaan kosakata pelajar yang menguasai kosakata merangkumi kosakata aktif produktif ataupun pasif reseptif. Selain itu, kajian kes yang dijalankan oleh (Antai Robin et al., 2020) berhubung penguasaan kosakata Bahasa Melayu kanak-kanak. Sampel kajian beliau terdiri daripada dua orang kanak-kanak iban dan seorang guru. Penyelidik menggunakan borang pemerhatian untuk merekod kosakata yang dikuasai dan dituturkan oleh kanak-kanak tersebut. Hasil dapatan awal beliau menunjukkan bahawa tahap penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak Iban di Tabika masih lemah. Manakala hasil dapatan selepas penggunaan lagu *Didi & Friends* menunjukkan peningkatan penguasaan kosakata sampel kajian.


Perincian mengenai konsep saiz kosakata pula telah banyak dibincangkan dalam kajian lepas. Dalam bahasa mudahnya saiz kosakata adalah merujuk kepada jumlah atau kuantiti perkataan yang dikuasai oleh seseorang. Kenyataan ini disokong oleh (Nation, 2001) yang menyatakan bahawa saiz kosakata merujuk kepada bilangan perkataan yang diketahui oleh pelajar pada satu tahap penguasaan dalam bahasa tertentu. Bahkan menurut Nation (2001) lagi saiz kosakata dijadikan sebagai kayu pengukur dalam menentukan tahap penguasaan individu terhadap kemahirannya dalam sesuatu bahasa. Pandangan ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh (Harun Baharudin, 2017) yang memberikan takrifan bahawa saiz kosakata merujuk kepada aspek kuantiti dan jumlah patah perkataan yang dikuasai oleh seseorang individu. Kebolehan menguasai jumlah kosakata yang besar menyebabkan pelajar lebih berkeyakinan dalam pembelajaran bahasa (Curtis, 2006). Stok perkataan dasar yang dikuasai oleh individu pelajar untuk diguna pakai dalam pelbagai keadaan yang dikenali sebagai leksikon juga dikenali sebagai saiz kosakata (Razak, 2018).

Antara kajian lepas yang dijalankan berkisar saiz kosa kata ialah kajian (Husain & Mohamad, 2020) berkenaan saiz kosa kata Bahasa Arab pelajar Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) dari dua aspek iaitu reseptif dan produktif. Seramai 127 orang responden yang terlibat di dalam kajian beliau. Hasil dapatan kajian beliau mendapati bahawa saiz kosa kata reseptif Bahasa Arab pelajar berada di bawah tahap yang dikehendaki iaitu 1885 perkataan, manakala saiz kosa kata produktif pula sebanyak 1655 perkataan yang dikuasai oleh pelajar. Beliau mencadangkan agar pelajar memberikan penekanan terhadap kosa kata berfrekuensi tinggi supaya dapat digunakan dengan lebih berkesan.

Selain itu, (Wahab et al., 2021) menjalankan kajian mengenai saiz kosa kata dan pengetahuan kolokasi Bahasa Arab terhadap pelajar yang mengambil ujian peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Dapatan kajian beliau yang menggunakan nilai interpretasi tahap skor min yang ditetapkan oleh (Nunnally & Bernstein, 1994) mendapati skor ujian saiz kosa kata dan ujian kolokasi Bahasa Arab berada pada beberapa tahap iaitu tahap tinggi, sederhana, sederhana rendah dan rendah. Dapatan kajian beliau menjelaskan bahawa daripada 4000 kosa kata, sebanyak 935 kosa kata dikuasai oleh pelajar tahap rendah, 1426 kosa kata dikuasai oleh pelajar tahap sederhana rendah, 2267 kosa kata dikuasai oleh pelajar tahap sederhana tinggi. Data beliau menunjukkan bahawa terdapat peningkatan penguasaan kuantiti kosa kata pelajar berdasarkan kepada tahap masing-masing. Manakala kajian (Razak, 2018) yang menjalankan penyelidikan dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) mengenai saiz kosa kata menyatakan penguasaan jumlah kosa kata sekitar 2000 perkataan berfrekuensi tinggi merupakan langkah pertama dalam pembelajaran bahasa asing. Manakala penekanan seterusnya terhadap penguasaan kosa kata akademik.

Kesimpulannya, kosa kata merupakan aspek teras dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Kecekapan dalam berbahasa pula sangat bergantung kepada penguasaan kosa kata yang banyak dan difahami maknanya (Harun & Zawawi, 2016; Kuleli, 2015; Laufer & Nation, 1995; Lemmouh, 2010; Rosni, 2013; Zunita & Harun, 2020). Pembelajaran bahasa menjadi tidak berkesan dengan hanya menguasai aspek jumlah atau saiz kosa kata sahaja. Pengetahuan makna kosa kata dan bagaimana ingin menggunakannya dalam situasi dan konteks yang tepat merupakan ukuran terhadap tahap kecekapan dalam menguasai sesuatu bahasa asing.

Bersesuaian dengan kajian yang dijalankan, Rajah 1.1 di bawah merupakan kerangka konseptual yang dihasilkan melalui gabungan dua teori yang dikaitkan dengan persekitaran iaitu teori sistem ekologi dan teori sosiobudaya untuk melihat persekitaran bahasa dan pembelajaran kosa kata Arab dalam kalangan pelajar. Pembelajaran berasaskan kepada teori ini akan menggalakkan penemuan baharu, manakala pelajar dapat mempelbagaikan strategi dan gaya pembelajaran masing-masing. Perkara ini jelas membuktikan bahawa pendekatan teori sosiobudaya dan teori ekologi membantu pelajar mempelbagaikan strategi pembelajaran untuk mencapai kemahiran berbahasa dengan lebih berkesan dan efisien (Muhaimin, 2020). Melalui pembacaan daripada dapatan daripada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan instrumen persekitaran pembelajaran adalah untuk mengukur tahap persekitaran pembelajaran melalui persepsi guru dan pelajar (Skordi & Fraser, 2019).



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian

Kerangka kosnseptual merupakan kerangka kajian yang membentangkan pemboleh ubah-pemboleh ubah utama kajian dan hubungan antaranya dalam bentuk visual atau teks (Chua, 2021). Pemboleh ubah utama dan hubungan antaranya dapat dibentangkan berdasarkan kepada teori terpilih dan bukti yang empirikal daripada penyelidikan yang telah dijalankan. Berpandukan kepada kerangka konseptual pada rajah di atas, pengkaji telah menggabungkan dua teori iaitu Teori Ekologi Bronfenbrenner dan juga Teori Sosiobudaya Vygotsky yang dikaitkan dalam aspek persekitaran. Pemboleh ubah bebas kajian ini ialah persekitaran bahasa, manakala pemboleh ubah bersandar pula merujuk kepada penguasaan kosa kata Arab. Kotak di sekeliling konstruk persekitaran bahasa dalam kerangka konseptual di atas merujuk kepada ruang kawasan di mana persekitaran bahasa berlaku sebagai contoh di bilik darjah.

Hasil perkembangan individu sentiasa berhubung kait dengan lingkungan persekitaran sosial, keluarga dan juga persekitarannya. Realiti sebuah kehidupan bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor kekeluargaan dan hubungan sosialnya, malahan kehidupan turut terkesan oleh persekitaran sekeliling (Fabil & Ismail, 2018). Persekitaran pembelajaran yang baik memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku, merangsang dan membantu meningkatkan tahap perkembangan kognitif pelajar (Mohd Arifin et al., 2018). Persekitaran merangkumi aspek gabungan nilai, budaya, amalan keselamatan dan struktur organisasi yang wujud dalam sesebuah institusi pengajian. Oleh itu, persekitaran pembelajaran yang kondusif dipengaruhi oleh gabungan konteks sosial, psikologikal, fizikal dan sosiobudaya. Kesan gabungan aspek persekitaran pembelajaran memberikan pengaruh kepada tahap pencapaian, minat dan tingkah laku pelajar dan guru (Burden & Fraser, 1993). Jadual 1 di bawah meringkaskan teori dan model persekitaran pembelajaran yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Jadual 1: Teori dan model persekitaran pembelajaran

Bilangan	Teori	Perintis Teori
1	Teori Sistem Ekologi	Urie Bronfenbrenner
2	Teori Sosiobudaya	Lev Vygotsky

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk bagi sesebuah kajian merupakan tatacara pengolahan sesuatu data yang dikumpulkan bertunjangkan kepada satu perancangan yang bersistem terhadap konsep pembentukan kajian yang dijalankan (Creswell, 2008). Reka bentuk kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kaedah kajian secara tinjauan. Tujuannya adalah untuk meninjau tahap persekitaran bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan empat di semua Sekolah Agama Menengah dalam Negeri Selangor.

Sampel Kajian

Populasi kajian ini melibatkan pelajar tingkatan empat seramai 2600 orang pelajar yang bersekolah di Sekolah Agama Menengah di Negeri Selangor. Jumlah populasi keseluruhan diperoleh dari sumber rasmi portal Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan pihak sekolah. Sekolah yang terlibat sebanyak 23 buah sekolah yang terdiri daripada 9 dari 10 buah daerah utama di Selangor. Daerah kesepuluh iaitu Daerah Petaling Utama tidak dilibatkan dalam kajian ini kerana daerah tersebut tidak mempunyai sekolah berstatus Sekolah Agama Menengah (SAM). Sementara itu, sampel kajian yang terpilih dalam kajian ini seramai 335 orang pelajar sahaja dengan merujuk kepada jadual Krejcie & Morgan (1970). Pemilihan sampel kajian dilaksanakan melalui cara pensampelan rawak berstrata (*stratified sampling*) berdasarkan kepada sub populasi kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pensampelan rawak berstrata bagi menentukan pemilihan responden. Menurut Fraenkel dan Wallen (1996) pensampelan yang baik dan sesuai akan menguntungkan sebuah kajian dalam pelbagai aspek seperti menjimatkan kos dan masa sesebuah kajian dijalankan. Pensampelan rawak berstrata atau strata berkadar sesuai digunakan dalam kajian ini disebabkan pecahan populasi bagi setiap sub kumpulan adalah tidak sama. Ini kerana menurut (Mohd Majid, 2005) bilangan pecahan populasi antara sub kumpulan perlulah seimbang supaya ralat pensampelan dapat dikurangkan, sampel lebih baik dan memberikan kesan statistik potensi yang besar. Yang dimaksudkan dengan seimbang di sini ialah setiap strata diwakili berdasarkan kepada kadar yang telah ditetapkan bagi sesuatu populasi. Justeru, pemilihan kaedah pensampelan ini digunakan bagi memastikan agar bilangan sampel bagi setiap sembilan daerah di Negeri Selangor yang terlibat adalah seimbang.

Instrumen Kajian

Instrumen yang dikendalikan dalam kajian ini ialah instrumen soal selidik yang diadaptasi dari kajian penyelidikan lepas. Soal selidik yang digunakan telah dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian A, B dan C. Item-item pada bahagian A yang diuji adalah untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden kajian seperti jantina, penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan tahap penguasaan Bahasa Arab pelajar di sekolah. Manakala pada bahagian B melibatkan item yang telah dipecahkan mengikut kesesuaian konstruk dalam persekitaran bahasa yang ingin diuji. Pada bahagian ini, skala yang digunakan adalah skala Likert dengan lima mata pemarkahan iaitu 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Agak Setuju), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Penggunaan skala lima mata Likert ini mudah diproses, tidak membebankan para responden dan kebolehpercayaan diterima berdasarkan kepada ketetapan yang digariskan (Rungsin, 2010). Tambahan lagi, penggunaan skala Likert dapat memastikan keseragaman jawapan yang diberikan oleh responden kajian. Seterusnya, pada bahagian C melibatkan item berbentuk ujian yang menguji tahap penguasaan kosa kata

Arab pelajar. Terdapat dua sub pada bahagian ini iaitu bahagian yang menguji tahap penguasaan saiz kosa kata dan bahagian yang menguji tahap penguasaan kedalaman kosa kata pelajar. Ujian ini dibina adalah dalam bentuk respon betul atau salah dan respon aneka pilihan bagi menguji kosa kata reseptif. Ujian kedalaman kosa kata memberikan tumpuan kepada konstruk makna denotatif, hubungan semantik, pembentukan perkataan, kombinasi perkataan diukur menggunakan respon aneka pilihan dan melengkapkan tempat kosong. Sebelum instrumen soal selidik ini diedarkan kepada responden kajian yang terlibat, instrumen kajian terlebih dahulu melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan item yang telah disemak oleh pakar-pakar yang dilantik secara rasmi oleh fakulti pendidikan.

Jadual di bawah memperincikan pembahagian instrumen kajian serta bilangan item bagi setiap bahagian.

Jadual 2: Pembahagian instrumen kajian

Bahagian Soal Selidik	Bilangan Item
Bahagian A (Demografi Responden Kajian)	6
Bahagian B (Tahap Persekitaran Psiko Sosial)	48
Bahagian C (Ujian Penguasaan Kosa Kata)	37

Kaedah pemerolehan

Dalam proses untuk mendapatkan data daripada responden kajian, beberapa prosedur utama perlu diikuti oleh pengkaji. Pengkaji terlebih dahulu menghantar permohonan kebenaran menjalankan kajian kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Permohonan dibuat secara atas talian (*online*) di dalam laman web pengoperasian *Educational Research Application System* (ERAS) yang dikawal selia oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Setelah permohonan yang dikemukakan diluluskan oleh pihak kementerian dengan iringan surat kelulusan, langkah seterusnya adalah dengan membuat permohonan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Tempoh menunggu surat kelulusan dari JPNS mengambil masa selama empat belas hari. Selepas dibenarkan menjalankan kajian oleh JPNS dengan surat kebenaran khas, pengkaji turun ke lokasi sekolah terlibat bagi tujuan edaran instrumen. Data yang diperolehi dari edaran instrumen soal selidik kepada responden kajian adalah melalui *link google form* yang dibantu oleh guru ketua bidang, guru panatia bahasa. Semua prosedur ini dijalankan setelah pengkaji mendapat keizinan daripada pengetua sekolah masing-masing. Setiap sekolah yang terlibat diberikan tempoh masa yang sesuai untuk menjawab dan memberikan maklum balas melalui instrumen soal selidik (*link google form*) yang diberikan. Setelah data yang diperlukan mencukupi, data yang diperolehi seterusnya dianalisis dengan menggunakan program perisian berkomputer SPSS versi 27. Terdapat dua cara yang digunakan bagi menganalisis data kajian ini. Cara pertama adalah secara deskriptif melibatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Cara kedua ialah analisis secara inferensi melibatkan ujian Korelasi Pearson setelah memenuhi andaian data yang normal.

PENGANALISISAN DATA

Responden kajian yang terlibat adalah seramai.335 orang pelajar yang dipilih secara rawak berstrata daripada 23 buah sekolah yang terlibat. Jadual di bawah memperincikan sekolah dan daerah yang terlibat dalam kajian ini:

Jadual 2: Senarai sekolah terlibat

Nama Sekolah	Daerah
SAM Rawang	Gombak
SAM Paya Jaras	Gombak
SAM Hulu Langat	Hulu Langat
SAM Sungai Selisek	Hulu Selangor
SAMT Kuala Kubu Baru	Hulu Selangor
SAMT Sultan Hisamudin	Klang
SAM Sultan Hisamudin	Klang
SAM Nurul Iman	Klang
SAM Unwanus Saadah	Kuala Langat
SAMT Tengku Ampuan Rahimah	Kuala Langat
SAM Jeram	Kuala Selangor
SAM Tanjong Karang	Kuala Selangor
SAM Bestari	Petaling Perdana
SAMT Tengku Ampuan Jemaah	Petaling Perdana
SAM Parit Baru	Sabak Bernam
SAM Bagan Terap	Sabak Bernam
SAM Sungai Haji Dorani	Sabak Bernam
SAM Pasir Panjang	Sabak Bernam
SAM Muhammadiyah	Sabak Bernam
SAM Tengku Ampuan Jemaah	Sabak Bernam
SAMT Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah	Sabak Bernam
SAM Sungai Merab Luar	Sepang
SAM Bandar Baru Salak Tinggi	Sepang

Sumber: Sektor Data Pendidikan BPPDP

Dengan berpandukan jadual di atas, dapat diperhatikan sebanyak 23 buah sekolah yang terlibat di dalam kajian ini. Sebanyak lima buah sekolah berada pada kategori Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT), dan 18 buah sekolah dikategorikan sebagai Sekolah Agama Menengah. 2 buah sekolah di dalam Daerah Gombak, sebuah sekolah dalam kawasan pentadbiran Daerah Hulu Langat, 2 buah sekolah dalam Daerah Hulu Selangor, 3 buah sekolah di Daerah Klang, 2 buah sekolah di Daerah Kuala Langat, 2 buah sekolah di Daerah Kuala Selangor, 2 buah sekolah di Daerah Petaling Perdana, 7 buah sekolah di Daerah Sabak Bernam dan 2 buah sekolah di bawah pentadbiran Daerah Sepang. Senarai ini diperoleh dari sumber sektor data pendidikan.

Jadual 2 di bawah memperincikan bilangan responden yang terlibat bagi setiap daerah mengikut kadar. Bagi Daerah Gombak dan Kuala Langat, bilangan responden kajian yang terpilih ialah seramai 37 orang pelajar, Daerah Hulu Langat dan Daerah Hulu Selangor seramai 20 orang pelajar, Daerah Klang seramai 54 orang pelajar, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sepang melibatkan responden seramai 33 orang, Daerah Petaling Perdana seramai 27 orang pelajar dan Daerah Sabak Bernam melibatkan jumlah yang paling ramai iaitu 74 orang pelajar. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 335 pelajar selari dengan penentuan jumlah saiz sampel mengikut jadual Krejcie & Morgan (1970).

Jadual 3: Bilangan responden kajian setiap daerah Negeri Selangor mengikut kadar

Bil	Daerah	Populasi	Peratus Sampel	Bil. Pelajar Tingkatan Empat
1	Gombak	273	11%	37
2	Hulu Langat	162	6%	20

3	Hulu Selangor	171	6%	20
4	Klang	416	16%	54
5	Kuala Langat	278	11%	37
6	Kuala Selangor	263	10%	33
7	Petaling Perdana	226	8%	27
8	Sabak Bernam	592	22%	74
9	Sepang	270	10%	33
		2600	100%	335

Seterusnya, penentuan tahap skor min yang digunakan bagi mengukur aspek tahap persekitaran bahasa dalam kalangan pelajar dijelaskan menerusi Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Interpretasi skor min

Julat Skala	Interpretasi Skor Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Sumber: Nunally (1978)

Merujuk kepada jadual di atas dapat diperhatikan, sekiranya min yang diperoleh bagi setiap aspek berada pada julat 1.00-2.00, maka interpretasi skor min yang dikelaskan berada pada tahap rendah. Kemudian, min pada julat 2.01-3.00 pula dikelaskan sebagai sederhana rendah. Min pada julat 3.01-4.00 pula dikategorikan sebagai tahap sederhana tinggi. Interpretasi skor min yang terakhir pula ialah tahap tinggi berada pada julat 4.01-5.00

Jadual 5: Tafsiran skor min item

Skor Min	Tafsiran Skor Min
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2010)

Bagi menentukan tahap min bagi setiap item yang diuji dalam kajian ini, pengkaji merujuk kepada jadual 3 di atas yang diperoleh dari sumber Pallant (2010). Tafsiran skor min yang pertama dikategorikan sebagai rendah sekiranya jumlah min yang diperoleh bagi item tersebut berada pada julat 1.00-2.33. Tafsiran skor min pada tahap sederhana pula dijelaskan apabila jumlah min item pada julat 2.34-3.67. Manakala, julat antara 3.68-5.00 pula menunjukkan tafsiran skor min pada tahap yang tinggi. Tafsiran skor min pada jadual di atas hanya akan digunakan bagi menjelaskan tahap min bagi setiap item sahaja.

Jadual 6: Interpretasi nilai pekali korelasi

Nilai Pekali Korelasi	Interpretasi Korelasi
0.71-1.00	Kuat
0.30-0.69	Sederhana
0.00-0.29	Lemah

Jadual 6 di atas adalah jadual yang dirujuk oleh pengkaji bagi tujuan interpretasi nilai pekali korelasi antara dua pemboleh ubah kajian. Nilai tertinggi pekali korelasi pada julat 0.71-1.00 diinterpretasikan sebagai mempunyai hubungan yang kuat ada pemboleh ubah kajian. Nilai pada julat 0.30-0.69 pula menunjukkan nilai hubungan yang berada pada tahap sederhana. Manakala 0.00-0.29 ialah julat yang digunakan bagi menentukan hubungan pemboleh ubah yang berada pada tahap yang lemah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil pembacaan dan penelitian, pengkaji merumuskan bahawa kajian yang dijalankan berakhir dengan dapatan kajian yang dapat menjawab setiap persoalan kajian. Kajian ini telah mencadangkan satu dimensi baharu dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan pemanfaatan lingkungan persekitaran dalam pembelajaran bahasa asing seperti Bahasa Arab. Penulisan kertas konsep ini dapat dijadikan maklumat tambahan bagi menjalankan kajian pada masa akan datang. Kesan dan impak daripada kajian ini dapat memberikan manfaat secara holistik kepada pihak-pihak berkepentingan dalam dunia pendidikan bagi merangka strategi atau gaya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Martabat pendidikan Bahasa Arab juga akan sentiasa berada pada tahap yang terbaik. Hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas juga jelas menunjukkan bahawa faktor persekitaran memainkan peranan dalam membantu meningkatkan sahsiah dan pencapaian akademik pelajar (Jantan et al., 2017).

Rujukan

- Abdul, N. S., & Maat, S. M. (2019). Pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap kesedaran metakognitif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Education and Pedagogy*, 1(1), 12–21.
- Aflisia, N., & Harahap, P. (2019). Eksistensi bi'ah lughawiyah sebagai media berbahasa arab dalam meningkatkan kemampuan muhadatsah mahasiswa Prodi Pendidikan Bahasa Arab di IAIN CURUP. *Jurnal of Arabic Learning and Teaching*, 8(1), 40–55.
- Ahmid, M. H., Abdullah, M. K., & Johari, K. (2018). Pengajaran Guru dan Kepercayaan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Abstrak Teachers ' Teachings and Students ' Motivational Beliefs in Learning Arabic Language in Secondary School Abstract Pengenalan Sorotan Literatur. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(3), 136–147.
- Antai Robin, P., Hamzah, M., & Pandang, M. (2020). PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU KANAK-KANAK. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9, 41–51.
- Burden, R. L., & Fraser, B. J. (1993). Use of classroom environment assessments in school psychology: a british perspective. *Psychology in the Schools*, 30, 232–240.
- Chee, T. T., & Abdullah, M. S. (2021). Kesepaduan Sosial dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 24–33.
- Fabil, N., & Ismail, Z. (2018). Persekitaran digital islamik (IoDE) dalam mereka bentuk

- aplikasi pengajaran melalui permainan komputer. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 78–91.
- Harun Baharudin, Z. I. & N. M. R. N. Y. (2017). Pembinaan Ujian Tahap Saiz Kosa Kata Arab. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 13–19.
- Hunaidu. (2019). Pengaruh penguasaan kosakata bahasa arab terhadap kemampuan berbahasa arab siswa pondok darul arqam muhammadiyah punnia pinrang. *Al-Maraji': Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 3(1), 75–92.
- Husain, N. S., & Mohamad, N. (2020). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional, UiTM. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 4(2), 38–62.
- Irwan Fariza, S., Mohd Mahzan, A., & Abdul Razaq, A. (2018). Sokongan Persekitaran Sosial di Pelbagai Jenis Sekolah Menengah dalam Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1), 67–76.
- Ismail, M. Z. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran kosa kata bahasa arab dalam kalangan pelajar cemerlang. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 47–68. <https://doi.org/10.21315/apjee2016.31.4>
- Jantan, Y., Piaw, C. Y., & Malaya, U. (2017). Kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(3), 1–12.
- Junaidi, R. (2020). Persekitaran yang membentuk modal insan dalam novel kanak-kanak. *MANU*, 31(1), 97–119.
- Kusuma, A. W. (2018). Meningkatkan Kerjasama Siswa dengan Metode Jigsaw dalam Bimbingan Klasikal. *KONSELOR*, 7(1), 26–30. <https://doi.org/10.24036/02018718458-0-00>
- Maimun Aqsha Lubis, A. L., Siti Hajar, T., & Mohd Azaharin, I. (2019). Inovasi sistem pendidikan dan strategi pengajaran bahasa arab di era milenial 4.0. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 3(2), 9–20.
- Mohd Arifin, R., Mat Teh, K. S., Muhamad, N., & Amrullah, M. (2018). Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Strategi Pelaksanaan Iklim Dini Di Sekolah. *Pedagogia: Jurnal Pendidikan*, 7(2), 137–144.
- Muhaimin, A. (2020). Pengaruh persekitaran dalam penggunaan strategi memori kosa kata pelajar KUIM. *Jurnal Kesidang*, 5(1978), 1–9.
- Muhin, R., & Nik Yusoff, N. M. R. (2021). Peranan teori psikolinguistik dalam pendidikan Bahasa Arab. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(3), 107–116.
- Nation, P. (2001). *Learning Vocabulary in Another Language*.
- Nunnally, & Bernstein. (1994). Psychometric Theory (3rd ed). *Applied Psychological Measurement*, 19(3), 303–305.
- Razak, Z. R. A. (2018). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar di Peringkat Pengajian Tinggi : Permasalahan dan Strategi Pengajaran. *Internatioanal Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 8(2), 61–70.
- Shidqi, M. H., & Mudinillah, A. (2021). Pembelajaran bahasa arab dengan memanfaatkan lingkungan berbahasa bagi mahasiswa di perguruan tinggi. *Journal Education and Development*, 9(3), 170–176.
- Wahab, U. A., Taib, M., & Asbullah, L. H. (2021). Saiz kosa kata dan pengetahuan kolokasi bahasa arab dalam kalangan pelajar sijil tinggi agama malaysia (STAM). *Issues in Language Studies*, 10(1), 183–202.
- Wibowo, I. S., & Farnisa, R. (2018). Hubungan Peran Guru Dalam Proses Pembelajaran Terhadap Prestasi Belajar Siswa. *Jurnal Gentala Pendidikan Dasar*, 3(2), 181–202.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Redzaudin, M., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran

bahasa arab di Malaysia: Permasalahan dan cabaran. *Jurnal Pengajian Islam (JPJ)*, 12(1), 47–57.

Zakaria, N., Rauf, A., & Farhan, N. (2019). Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Melalui Penggunaan Imitasi. *Jurnal Linguistik*, 23(2), 13–20.

Zubaidillah, M. H. (2018). Teori-teori ekologi, psikologi dan sosiologi untuk menciptakan lingkungan pendidikan islam. *ADDABANA: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 1(2), 83–102.